



BINA PURI HOLDINGS BHD

PRESS RELEASE

Bina Puri peroleh kontrak RM24.8j

UTUSAN ONLINE
KORPORAT 24 Mei 2008

KUALA LUMPUR 23 Mei - Bina Puri Holdings Bhd. melalui anak syarikat milik penuhnya, Bina Puri Construction Sdn. Bhd., telah memperoleh kontrak bernilai RM24.8 juta daripada Fastgrow Properties Sdn. Bhd. untuk melaksana projek pembangunan perumahan di Buang Sayang di Papar, Sabah.

Kerja pembinaan dijangka dapat diselesaikan menjelang Julai 2009, kata kumpulan itu dalam satu kenyataan di sini.

Projek berkenaan membabitkan pembinaan 351 unit rumah teres setingkat termasuk kerja-kerja luaran, dan pemasangan akhir peralatan mekanikal dan elektrik.

Bina Puri berkata kontrak itu akan meneguhkan kehadirannya di Sabah dan Sarawak terutama di Sabah.

Menurut kumpulan itu ia kini mempunyai beberapa projek yang sedang dalam pembinaan di Sabah, termasuk pembinaan Kondominium Jesselton dan 96 unit pangsapuri empat tingkat di Taman Melawa Jaya Fasa 2, kedua-duanya di Kota Kinabalu.

Menerusi kontrak terbaru ini jumlah kontrak dalam dalam kumpulan, dalam negara dan luar negara, bernilai RM2.0 bilion, yang akan dilaksanakan kumpulan itu sehingga 2010, kata Bina Puri.

Kumpulan itu mengambil bahagian aktif dalam tender-tender projek di dalam dan luar negara, katanya.

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor
Corp Communications Dept
BINA PURI HOLDINGS BHD
Tel : 03-6136 3333 (3005)
Fax : 03-6136 9999
E-mail : surati@binapuri.com.my